

PELAKSANAAN PENGURUSAN LATIHAN DAKWAH TERHADAP ANGGOTA KOR AGAMA ANGKATAN TENTERA

Burhanuddin Jalal

Sayuti Ab Ghani

Amnah Saayah Ismail

Jessica Ong Hai Liaw

burhanuddin@upnm.edu.my

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

ABSTRAK

Dakwah Islamiah dalam Angkatan Tentera Malaysia telah bermula sejak penubuhannya pada tahun 1933 lagi dan terus diperkasakan dengan penubuhan Kor Agama angkatan tentera Malaysia (KAGAT) pada tahun 1985. Usaha-usaha dakwah Islamiah yang dilaksanakan oleh KAGAT dalam institusi ketenteraan telah membina penghayatan Islam dalam kalangan anggotanya membentuk kekuatan anggota dari aspek spritual dan mental agar mempunyai daya tempur yang kuat bagi mempertahankan agama, bangsa dan negara. Dalam menyediakan para pendakwah berwibawa dalam institusi ketenteraan dan mejadi 'daie askari', Institut Latihan Kefahaman Islam Angkatan Tentera Malaysia (ILMI) telah diberikan peranan untuk melatih anggota dan pegawai KAGAT ke arah pendakwah yang berwibawa. Kertas ini akan meninjau pendekatan latihan, teori, konsep serta pendekatan yang digunakan bagi membangunkan para pendakwah tentera atau 'daie askari' yang berkualiti. Kajian perpustakaan, kaedah soal selidik, temu bual dan pemerhatian telah digunakan bagi memperoleh data berkaitan dengan penyediaan dan latihan terhadap anggota Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia. Kajian soal selidik telah dijadikan instrumen kajian lapangan untuk melihat persepsi anggota Angkatan tentera terhadap anggota KAGAT. Kajian telah dilakukan terhadap 383 orang responden anggota ATM yang telah dijadikan sampel kajian. Teknik pengambilan sampel secara rambang telah digunakan dan keseluruhan hasil kajian telah dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS secara deskriptif dan inferensi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa persepsi anggota ATM terhadap anggota KAGAT pada umumnya adalah baik tinggi dan ini membuktikan bahawa usaha-usaha Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia (KAGAT) untuk membina penghayatan Islam dalam kalangan anggota Angkatan Tentera Malaysia adalah tercapai.

Kata kunci: *pendakwah, pengurusan, latihan, tentera*

PENDAHULUAN

Dakwah Islamiah merupakan ajakan atau seruan ke arah penerimaan dan penghayatan ajaran dan nilai-nilai Islam. Aspirasi ini dapat direalisasikan melalui pengurusan dan perancangan dakwah yang sistematik sesuai dengan saranan al-Quran supaya dakwah disampaikan dan disebar luaskan secara hikmat dan berkesan. Sehubungan dengan itu, atas kesedaran bagi menyampaikan dakwah Islamiah dengan lebih berkesan dan untuk membina anggota tentera yang beriman dan bertakwa sekali gus dapat berkhidmat dengan cemerlang dan berkesan usaha-usaha dakwah Islamiah telah dilaksanakan dalam organisasi Angkatan Tentera Malaysia secara lebih meluas dan tersusun. Kertas ini akan menjelaskan pelaksanaan dakwah yang dilakukan oleh Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) dalam organisasi Angkatan Tentera Malaysia dalam usaha menyampaikan mesej Islam dan memberi pemahaman dan penghayatan agama Islam kepada seluruh warga Angkatan Tentera Malaysia.

PERKHIDMATAN AGAMA DALAM ATM DI PERINGKAT

AWAL

Sejarah kegemilangan tamadun Islam semenjak zaman permulaan Islam telah membuktikan bahawa nilai-nilai Islam boleh membentuk manusia menjadi yang cemerlang. Orang Arab pada zaman jahiliah adalah bangsa yang mundur, tetapi setelah menerima dan mengamalkan ajaran Islam mereka dapat memberikan sebuah tamadun yang besar pada zaman itu dan mengembangkan tamadun Islam dari Sepanyol di Eropah hingga ke negeri China di sebelah timur. Islam telah berjaya melahirkan satu tamadun besar yang membawa keamanan dan kesejahteraan kepada dunia, menjadi pendorong kemajuan manusia dalam aspek kerohanian, pemikiran, moral dan keduniaan. Ia menjadi sumber utama ilmu yang manfaat bukan sahaja kepada dunia timur tetapi juga Barat yang menerima sumbangan intelektual, moral dan idea untuk kemajuan kebendaan (Wan Mohd Nor 1994).

Angkatan Tentera Malaysia, sebagai sebuah organisasi tentera yang diasaskan atas model Angkatan Tentera British (ATB), sudah tentu mempunyai sifat-sifat penting dan ciri-ciri utama ATB yang merupakan elemen yang mempengaruhi asas penubuhan dan arah pembinaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Sejarah penubuhan Angkatan Tentera Malaysia bermula setelah penubuhan pasukan Askar Melayu Diraja percubaan yang ditubuhkan pada 1 Mac 1933 di Port Dickson, Negeri Sembilan (Dol Ramli: Pasukan Askar Melayu). Penubuhan pasukan ini merupakan hasil kesedaran dan desakan para pembesar Melayu di waktu itu tentang kesedaran yang wujud, akan pentingnya dan peri mustahaknya anak watan bertanggungjawab mempertahankan

tanah air mereka. Cadangan ini telah disuarakan oleh Sultan Perak Sultan Alang Iskandar, Tuanku Yang Dipertuan Negeri Sembilan Tuanku Muhammad Ibnu Yam Tuan Antah, Raja Di Hilir Perak Sir Raja Chulan dan Undang Rembau Dato' Abdullah Haji Damat dalam Dewan Majlis Mesyuarat Persekutuan pada tahun 1920, dan seterusnya *Malay Regiment Bill* telah diluluskan pada 23 Jun 1933, sebagai Enakmen No.11. Seramai 25 orang anak watan berbangsa Melayu beragama Islam telah dipilih dan dilatih di bawah pengawasan Major Mac I.S Bruse (Abdul Samad 1983).

Walaupun asasnya dari model British tetapi ATM masih mempunyai identiti sendiri dalam mengekalkan elemen Islam dan tempatan serta mempunyai potensi dalam rangka mewujudkan konsep pertahanan berteraskan Islam dan suasana tempatan. Potensi keislaman adalah elemen yang mempunyai hubungan kait dengan semangat kesedaran dalam kalangan orang Melayu untuk membebaskan negara ini dari belenggu penjajah. Pihak penjajah memang menyedari bahawa semangat keagamaan merupakan satu kuasa atau kekuatan yang boleh meruntuhkan sistem penjajah, manakala agama Islam pula merupakan agama perjuangan Bangsa Melayu. Oleh itu pihak penjajah amat berhati-hati di dalam melayani sentimen dan kebajikan dalam aspek keagamaan ini. Apabila pasukan Askar Melayu percubaan ditubuhkan pada 1 Mac 1933 itu, pihak Inggeris tidak mengambil perhatian yang serius mengenai keperluan agama Islam, tetapi setelah kumpulan pertama Askar Melayu berkenaan menamatkan siri latihan asas, mereka mula mendesak pihak Inggeris agar menekankan keperluan dan kebajikan dari aspek agama. Hasil dari desakan itu, pihak Inggeris telah mewujudkan jawatan imam pasukan pada 1 September 1933. Gaji imam ini telah dibayar dengan menggunakan wang kebajikan pasukan (Mohammed Rahim 1989).

Keizinan mewujudkan perjawatan agama ini, bukanlah bererti pihak penjajah memberikan fungsi keagamaan menentukan arah profesion anak watan. Ia sekadar melayani permintaan anak watan dengan menghadkan fungsi keagamaan dalam ruang lingkup yang tidak mencabar sistem penjajahan. Program agama diizinkan di dalam skop yang terbatas kepada aktiviti-aktiviti yang bersifat ibadat khusus sahaja dan biasanya dibuat di luar waktu rasmi bekerja. Dalam erti kata lain, program agama ini tidak diformalkan di dalam aktiviti rasmi pasukan, sehingga menampakkan fungsi keagamaan hanya berperanan sewaktu di surau dan akan luput bila berada di padang kawat. Pengasingan fungsi keagamaan dengan kehidupan ketenteraan telah meletakkan kedua-dua perkara tersebut di dalam daerah atau jurang yang luas.

Walaupun Inggeris tidak menitik beratkan aspek agama dalam perkhidmatan tentera pada waktu itu, namun guru-guru agama tentera yang dilantik itu giat mengajar dan membimbing anggota Muslim di dalam ruang yang diizinkan. Guru agama pertama yang berkhidmat di dalam Askar Melayu ialah Tuan Haji Ibrahim bin Yusuff, yang berasal dari Kampung Sawah Rantau, Negeri Sembilan dan mula berkhidmat pada tahun 1935 (Di Persada Kegemilangan 2005).

Guru-guru agama yang dilantik berusaha mengembangkan peranan mereka dari masa ke masa sesuai dengan keperluan dan keadaan pandangan dan teguran yang dibuat merangkumi semua aspek mengenai Islam. Pandangan dan nasihat itu disalurkan dari masa ke masa kepada pihak berkuasa tentera melalui Mesyuarat Tahunan Guru-guru Agama Kanan Tentera. Banyak perkara mengenai pentadbiran dan program agama telah dikemukakan dan telah mendapat perhatian yang sewajarnya. Namun demikian, kedudukan agama di dalam perkhidmatan tentera pada waktu itu masih berperanan di 'daerahnya' manakala perkhidmatan tentera pula berada 'di daerahnya' yang tersendiri serta 'agama' masih belum dapat memaparkan fungsi keagamaan dalam erti kata yang luas. (KAGAT 1997).

Dalam tempoh beberapa tahun khususnya sejak tahun 1933 hinggalah ke awal tahun 70an ternyata guru-guru agama tentera telah memainkan peranan yang penting dalam usaha untuk memberikan bimbingan agama kepada anggota tentera. Ini perlu diakui kerana walaupun pada waktu banyak sekali cabaran dan rintangan dalam usaha-usaha menyampaikan dakwah Islamiah dan juga pengaruh yang kuat dan terikat dengan adat istiadat, tatasusila dan peraturan yang diamalkan oleh penjajah Barat tetapi peranan yang dimainkan oleh guru-guru agama ini amat besar jasanya kepada pemahaman dan penghayatan agama dalam kalangan anggota Islam dan keluarga mereka pada waktu itu dari terus terpengaruh dengan cara dan gaya hidup kebaratan yang memang berleluasa pada waktu itu.

Pada penghujung tahun 70-an dan awal 80-an, semangat kesedaran dan kebangkitan Islam telah menjadi satu fenomena sejagat. Arus kesedaran dan kebangkitan Islam ini juga turut dirasakan dalam institusi ketenteraan. Masyarakat tentera sudah merasakan peranan tradisi guru-guru agama tentera sudah tidak memberi tahap "kepuasan rohaniah" yang tinggi kepada mereka lagi. Kesedaran dan iltizam terhadap penghayatan Islam telah muka meresap dalam kehidupan peribadi dan keluarga. Pada waktu yang sama perkhidmatan guru-guru agama sudah tidak mampu memenuhi 'kehendak' masyarakat tentera, baik dari segi kualiti dan juga kuantiti. Ini sebenarnya berpunca

daripada 'kejumudan' dan ketidakseimbangan perkembangan perkhidmatan guru-guru agama tentera berbanding dengan perkembangan ATM pada waktu itu di dalam semua aspek (Mohammed Rahim 1989).

PENUBUHAN KOR AGAMA ANGKATAN TENTERA (KAGAT)

Kesedaran untuk terus meninggikan syiar Islam dalam perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia, khususnya dalam kalangan generasi awal pegawai-pegawai agama di Kementerian Pertahanan tentunya mewarisi kesinambungan perjuangan Rasulullah, para sahabat dan juga para ulama dan ilmuwan Islam terdahulu. Cabaran untuk meneruskan syiar Islam ini memang wujud sejak zaman Rasulullah lagi. Ini seperti yang sebut oleh Majid Khadduri (1969) dalam bukunya *War and peace in the law of Islam*, telah menyebut, "*Allah gave Prophet Muhammad four swords (for fighting the unbelievers): the first against polytheist, which Muhammad himself fought; the second against apostates, which Caliph Abu Bakr fought; the third against the people of the book, which caliph 'Umar fought with; and the fourth against dissenters, which caliph Ali fought with*" (Shaybani 14-15).

Menyorot kembali proses dakwah yang dilakukan oleh Rasulullah, ternyata pada peringkat awal hanya menyebarkan Islam secara 'senyap' dalam kalangan kaum keluarga dan sahabat yang terdekat sahaja. Selepas beberapa tahun setelah menerima wahyu yang pertama, Baginda mula berdakwah secara terbuka sehingga Baginda mendapat ancaman dari pihak musuh, serta keselamatan diri Baginda sentiasa terancam dan dihina oleh kaum sendiri. Bentuk perjuangan menyebarkan, meninggikan syiar Islam serta usaha-usaha penghayatan agama dan dakwah dalam perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia juga mengalami bentuk perjuangan yang sama, cuma yang membezakan ialah dari segi cabaran yang perlu dihadapi.

Seperti mana yang telah disebutkan kesan dari perubahan sosiobudaya dan politik negara dan masyarakat, khususnya menjelang tahun 80-an, terdapat usaha-usaha ke arah proses penerapan nilai-nilai Islam di dalam sektor kerajaan dan usaha penerapan nilai-nilai Islam dalam organisasi ketenteraan turut mengalami proses yang sama seiring dengan sektor-sektor awam yang lain. Ekoran dari perkembangan di atas, idea dan usaha mengembangkan perkhidmatan agama sebagai suatu organisasi dalam satu bentuk kor di bawah perkhidmatan ATM mula digerakkan. Di samping untuk mendekati anggota agama ke arah 'militarization', terdapat faktor lain yang mendorong penubuhan KAGAT, iaitu:

- a. Merancang, menyelaraskan dan melaksanakan usaha-usaha dakwah Islamiah dan penghayatan Islam kepada semua pegawai dan anggota dalam ATM.
- b. Memberi dan mengembangkan pengajaran ilmu-ilmu Islam khususnya penekanan kepada ketinggian akhlak, sikap dan sifat (*spirit de corps*) di samping memberi kefahaman di dalam erti kata sebenar tentang perkhidmatan tentera mengikut pandangan Islam.
- c. Melaksana dan menguatkuasakan segala peraturan, undang-undang dan hukum Islam yang telah diputuskan oleh Majlis Agama Islam Persekutuan dan negeri-negeri.
- d. Memberi bantuan kepada usaha-usaha mempertingkatkan semangat keperwiraan anggota tentera seimbang dengan misi perjuangan ATM (Burhanuddin Jalal, 1998).

Persidangan Majlis Angkatan Tentera ke 238 pada 29 November 1984, telah meluluskan skim perkhidmatan Kor Agama Angkatan Tentera khusus yang merangkumi aspek-aspek teknikal, perjawatan, emolumen dan juga tempoh perkhidmatan pegawai dan anggota lain-lain pangkat (Kertas Minit Mesyuarat Majlis Angkatan Tentera kali 238). Selanjutnya melalui persidangan Majlis Angkatan Tentera ke 249 pada 29 Mac 1986, pihak Majlis Angkatan Tentera (MAT) telah meluluskan syarat-syarat pertukaran perkhidmatan Pegawai Hal Ehwal Islam di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam kepada Kementerian Pertahanan di bawah skim perkhidmatan tentera (Kertas Minit Mesyuarat Majlis Angkatan Tentera ke 249 pada 29 Mac 1986). Penubuhan KAGAT pada waktu itu dengan jelas, ia bertujuan untuk mencapai matlamat berikut:

- a. Memenuhi keperluan agama anggota Islam ATM dan keluarga mereka.
- b. Menyediakan kemudahan anggota dan pendidikan agama Islam bagi masyarakat tentera di masa aman, kecemasan atau peperangan.
- c. Membina pendirian akhlak, keteguhan dan disiplin yang kukuh dalam kalangan anggota ATM berasaskan kepada penerapan nilai-nilai Islam yang sesuai dengan masa dan keadaan.
- d. Menyelesaikan masalah-masalah pentadbiran agama Islam mengikut perundangan-perundangan yang dikuatkuasakan dari masa ke masa, khususnya dalam hal ehwal syariah dan hubung kait antara ATM dengan masyarakat awam.
- e. Berusaha mengurus apa jua perkara yang didapati perlu oleh pihak berkuasa demi kebaikan dan perkembangan Islam dalam ATM (Di persada Kegemilangan 2005).

MATLAMAT, OBJEKTIF, VISI DAN MISI KAGAT

Selaras dengan perkembangan Angkatan Tentera Malaysia dalam mendepani proses pemodenan angkatan dan perkembangan skop penugasan dan peranannya, KAGAT turut memperluaskan skop bidang tugas, peranan dan tanggungjawabnya yang perlu dilaksanakan sesuai dengan peredaran masa dan zaman.

Sehubungan dengan itu KAGAT menggubal misi, visi dan objektifnya yang baru sesuai dengan pengurusan strategik yang ditentukan oleh Angkatan Tentera Malaysia. Antara misi, visi dan objektif KAGAT yang telah ditetapkan bagi mencapai pengurusan strategik KAGAT 2000-2020 adalah seperti berikut:

- a. Visi
Menjadi penjana kecemerlangan pembangunan kerohanian modal insan ATM.
- b. Misi
Membantu ATM meninggikan tahap profesionalisme menerusi pendidikan Islam serta memberi khidmat keagamaan kepada seluruh warga ATM.
- c. Objektif umum
Melahirkan warga ATM yang berilmu, beriman, beramal dan bertakwa ke arah memperkukuhkan kerohanian dan kekuatan tempur (spiritual combat power).
- d. Objektif Operasi
 - Menjadikan KAGAT lebih profesional terkini dan global melalui penstrukturan serta perancangan yang mantap dan bersistematik.
 - Membina sumber manusia yang profesional, progresif, komprehensif, berketerampilan dan mempunyai kredibiliti.
 - Memberi pengetahuan, kefahaman, bimbingan dan kesedaran ke arah penghayatan ajaran Islam yang sejati kepada warga ATM.
 - Membangun, mentadbir dan mengurus hal ehwal masjid dan surau.
 - Memberikan perkhidmatan keagamaan merangkumi khidmat nasihat kekeluargaan, kebajikan dan kemasyarakatan.
 - Membuat kajian ilmiah dan umum ke arah pemantapan dan keagamaan dalam ATM.
 - Menyediakan bahan-bahan cetak dan multimedia sebagai sumber rujukan dalam ATM.
 - Mempertingkatkan keupayaan KAGAT melalui perolehan dan pengurusan anggota atur cara dan logistik serta pembangunan infrastruktur dengan lebih efektif dan efisien.
 - Membangun sumber manusia KAGAT yang profesional dan cemerlang.
 - Menyedia perkhidmatan perundangan syariah kepada warga ATM.

- Menyediakan pendidikan Islam bagi membangun kekuatan tempur warga ATM (KAGAT 1977).

ANALISIS PANDANGAN PERANAN KAGAT DALAM ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

Satu kajian telah dilakukan terhadap pelaksanaan pengurusan latihan terhadap anggota KAGAT dan kertas ini hanya akan melaporkan kesan terhadap latihan dan pandangan anggota ATM terhadap prestasi anggota KAGAT khususnya terhadap aspek pelaksanaan tugas, aspek pentadbiran Hal Ehwal Islam dalam ATM dan juga aspek penyampaian perkhidmatan. (Burhanuddin Jalal, 2011).

a. Pandangan terhadap pelaksanaan tugas. Dalam kajian tersebut terdapat 10 item berhubung dengan KAGAT untuk melihat apakah pandangan warga ATM terhadap KAGAT, sekali gus sebagai rujukan silang bagi mengenal pasti sejauh manakah usaha-usaha yang KAGAT telah laksanakan dalam usaha penghayatan Islam dalam kalangan anggota ATM ini.

Dapatan kajian menunjukkan pandangan responden terhadap peranan KAGAT secara keseluruhan memperlihatkan taburan kekerapan tahap sikap pada tahap rendah (10-23) seramai 4 orang (1.0 %), tahap sederhana (24-34) seramai 90 orang (23.5 %) dan tahap tinggi (35-50) seramai 289 orang (75.5 %). Ini dapat dijelaskan Penyataan yang mempunyai peratusan yang tertinggi adalah penyataan tentang pegawai dan anggota KAGAT mempunyai kredibiliti dan kemampuan dalam berdakwah serta berkhidmat dalam ATM. Hampir keseluruhan responden adalah setuju dan sangat setuju dengan penyataan yang diberikan ini. Ia merupakan penilaian yang jujur oleh setiap individu anggota tentera, maka boleh diambil kira bahawa pegawai dan anggota KAGAT mempunyai kredibiliti dan kemampuan dalam berdakwah serta berkhidmat dalam ATM. Mungkin ada segelintir pegawai dan anggota KAGAT yang kurang kredibiliti dan ketegasan mereka di dalam berdakwah dan membuatkan segelintir responden menyatakan mereka tidak setuju dan sangat tidak setuju dengan penyataan yang tersebut.

Majoriti responden juga menyatakan bahawa program dan perkhidmatan KAGAT dapat membina anggota yang beriman, beramal dan bertakwa serta mempunyai daya juang yang tinggi selain berjaya memberikan pengetahuan, kefahaman dan bimbingan agama kepada warga ATM. Ini menunjukkan bahawa anggota atau pegawai KAGAT telah pun berjaya menjalankan tanggungjawab mereka dengan hampir sempurna dan

dapat diterima oleh setiap anggota tentera. Pendekatan dan pengisian mereka bertepatan dengan kehendak dan keperluan warga ATM. Oleh yang demikian boleh dikatakan kini anggota dan pegawai KAGAT telah memenuhi keperluan perkhidmatan agama, ibadah, kekeluargaan serta nasihat agama kepada warga ATM.

Ini bermaksud KAGAT telah memainkan peranannya dengan berkesan dalam ATM. Majoriti responden menyokong setiap pernyataan yang membenarkan perkhidmatan dan peranan KAGAT terhadap warga ATM. Ini menunjukkan tahap dan kemampuan KAGAT untuk membimbing dan memberikan pengetahuan tentang keagamaan dan semangat perjuangan mengikut cara Islam sedikit sebanyak telah pun terkesan di dalam diri ATM. Terdapat responden yang tidak memberikan jawapan yang positif mungkin kerana mereka belum dapat merasakan di mana peranan dan tidak memahami sepenuhnya apa tugas dan tidak dapat menerima batasan kemampuan KAGAT.

Kajian juga mendapati bahawa surau dan masjid dalam ATM diurus dengan berkesan oleh anggota pegawai KAGAT dan responden menyatakan bahawa KAGAT telah berjaya menyelesaikan banyak isu atau dasar yang tidak selari dengan Islam dalam ATM. Ia jelas menyatakan maklum balas yang positif terhadap peranan KAGAT. Malahan KAGAT juga dikatakan telah berjaya meningkatkan tahap profesionalisme anggota dan pegawai menerusi pendidikan Islam dan perkhidmatan agama. Walaupun terdapat beberapa pencapaian yang tidak memuaskan dan mungkin boleh di anggap kurang berjaya seperti program KAGAT kepada keluarga dan anak-anak anggota. Maka responden rata-rata menyatakan KAGAT belum mencapai tahap pentadbiran dan pengurusan yang setaraf dengan lain-lain kor dalam ATM. Di mana ia perlu diambil perhatian oleh pihak KAGAT sendiri untuk sentiasa memperbaiki cara dan pendekatan mereka kepada warga ATM selain memantapkan lagi pengisian dan matlamat yang jelas untuk didapati oleh mereka setiap hari. Ini kerana keperluan anggota ATM adalah berbeza-beza dan dipengaruhi oleh latar belakang, keadaan masyarakat, rakan dan persekitaran serta emosi mereka.

b. Pandangan Terhadap Aspek Perkhidmatan. Hasil kajian mendapati hampir keseluruhan responden setuju dan sangat setuju dengan pernyataan pegawai dan anggota KAGAT mempunyai kredibiliti dan kemampuan dalam berdakwah serta berkhidmat dalam ATM. Ia menunjukkan persepsi yang baik responden terhadap perkhidmatan yang telah diberikan oleh KAGAT. Begitu juga dengan kemampuan program dan perkhidmatan KAGAT dalam membina anggota yang beriman, beramal dan bertakwa serta mempunyai daya juang yang tinggi. Ianya diakui oleh kebanyakan responden.


Selain berjaya memberikan pengetahuan, kefahaman dan bimbingan agama kepada warga ATM. Ia sebenarnya menunjukkan tahap perkhidmatan KAGAT terhadap responden. Di mana anggota KAGAT berjaya menarik hati warga ATM dan menyelami kekosongan yang menjadi tanggungjawab mereka untuk mengisinya.

Keputusan yang hampir sama diperoleh melalui persepsi responden terhadap peranan KAGAT secara keseluruhan dan telah diperbincangkan di mana responden memberikan maklum balas yang positif bahawa KAGAT telah memainkan peranannya dengan berkesan dalam ATM serta telah berjaya meningkatkan tahap profesionalisme anggota dan pegawai menerusi pendidikan Islam dan perkhidmatan agama. Walaupun masih terdapat mereka yang tidak memberikan maklum balas yang positif tidak bermakna mereka membantah. Mereka mungkin mempunyai pandangan dan pendapat tersendiri yang mana perlu diluahkan dan membuat aduan atau cadangan kepada pihak KAGAT agar dapat diperbaiki dari masa ke masa.

Hanya Program KAGAT kepada keluarga dan anak-anak anggota didapati tidak memuaskan secara keseluruhannya. Ia boleh dikatakan sedemikian kerana hanya 33.6 peratus responden sahaja yang bersetuju dan selebihnya memberikan maklum balas yang negatif. Ini mungkin kerana anggota KAGAT tidak dapat memberikan perkhidmatan mereka secara terus kepada ahli keluarga dan anak-anak anggota, akibat kekangan masa dan keadaan. Maka ianya didapati kurang memberi impak yang diharapkan. Oleh yang demikian, rata-rata responden menyatakan tidak setuju bahawa KAGAT telah mencapai tahap pentadbiran dan pengurusan yang setaraf dengan lain-lain kor dalam ATM. Ianya masih banyak yang perlu di baiki di mana-mana bahagian yang didapati lemah dan memerlukan usaha yang lebih, pengetahuan yang tinggi, perancangan yang teratur dan konsisten serta perlaksanaan yang lebih kemas lagi di masa-masa akan datang untuk meningkatkan kualiti keimanan dan pengetahuan Islamiah dalam kalangan generasi dan masa depan anggota ATM serta ahli keluarga mereka.

c. Pandangan Terhadap Aspek Sistem Penyampaian. Seterusnya bagi persepsi responden terhadap KAGAT dalam aspek sistem penyampaian juga didapati mempunyai nilai min yang tinggi. Rata-rata responden setuju dan sangat setuju dengan setiap pernyataan yang diberikan. Di mana anggota pegawai KAGAT didapati telah memenuhi keperluan perkhidmatan agama, ibadah, kekeluargaan serta nasihat agama kepada warga ATM, surau dan masjid dalam ATM diurus dengan berkesan oleh anggota dan pegawai KAGAT dan KAGAT telah berjaya menyelesaikan banyak isu atau dasar yang tidak selari dengan Islam dalam ATM. Hanya terdapat sebilangan

responden yang tidak menyokong pernyataan-pernyataan tersebut. Di mana mereka pastinya mempunyai alasan yang kukuh kerana ianya melibatkan agama yang mereka anuti. Para responden ini pastinya lebih memahami apa yang mereka mahukan dan apa yang mereka perlukan. Oleh yang demikian, pihak KAGAT tidak boleh mengetepikan pandangan mereka, mungkin sesuatu tindakan dapat dilakukan bagi memantapkan lagi sistem pengurusan dan pelaksanaan dakwah mereka agar penyampaiannya lebih berkesan lagi.



Rajah 1: Tahap Pandangan Responden Terhadap KAGAT

Berdasarkan kepada dapat kajian aspek pelaksanaan latihan terhadap anggota KAGAT untuk membentuk pendakwah yang baik pada umumnya baik namun demikian usaha yang berterusan perlu dilaksanakan khususnya dalam aspek pengurusan organisasi. Menurut Rozhan Othman (1990), kecemerlangan pengurusan organisasi dakwah boleh dilihat dari tiga aspek iaitu:

- Keupayaan organisasi dakwah mewujudkan suasana pengabdian kepada Allah.
- Peningkatan dan pencapaian matlamat serta ke fungsian organisasi.
- Penggemblengan tenaga manusia organisasi sepenuhnya (staf).

Oleh yang demikian KAGAT perlu untuk meningkatkan prestasinya sebagai sebuah organisasi ke arah yang lebih cemerlang, dari keadaan yang sedia ada. Untuk itu KAGAT perlu mampu menjadi wadah yang memudahkan (*facilitate*) anggota ATM untuk mengamalkan, memahami dan menghayati Islam dengan sepenuhnya. Selain dari

itu juga KAGAT perlu meneliti semula beberapa perkara yang menjadi syarat untuk ke arah kecemerlangan organisasi yang diharapkan itu bergantung pada tiga perkara utama, iaitu: (Burhanuddin, 2018)

- a. Sistem tarbiah organisasi. Kecemerlangan organisasi banyak bergantung kepada sistem latihan, budaya dan pendidikan dalam organisasi. Jumlah pegawai dan anggota KAGAT kini kian ramai, namun demikian generasi awal KAGAT yang mengetahui sejarah, inspirasi serta semangat penubuhan KAGAT telah ramai yang bersara dan kini generasi baru KAGAT perlu dididik untuk memahami matlamat dan hala tuju KAGAT yang sebenar. Oleh itu sistem tarbiah bukan sahaja merujuk kepada pendekatan memahami budaya organisasi tetapi merangkumi semua perkara termasuk sistem penilaian, proses keperluan latihan, proses pelaksanaan dan proses pengawalan organisasi. Sistem tarbiah yang berkesan adalah sistem yang bertujuan menyediakan anggota atau staf yang memenuhi keperluan organisasi.
- b. Suasana organisasi. Suasana organisasi merujuk kepada semua keadaan sama ada fizikal organisasi atau pun tidak. Elemen tersebut merangkumi budaya, nilai, struktur dan iklim organisasi. Secara umumnya organisasi yang cemerlang dapat memudahkan organisasi itu berfungsi dengan berkesan bagi mencapai matlamatnya.
- c. Kepimpinan organisasi. Aspek kepimpinan organisasi sangat penting dan KAGAT tidak terkecuali dari aspek ini. Berdasarkan dapatan kajian, responden telah memberikan pandangan yang agak negatif terhadap kepimpinan KAGAT masa kini dan keadaan ini perlu diperbaiki dengan kadar yang segera termasuk memastikan kepimpinan KAGAT sentiasa responsif, berstrategik, pemikiran yang fleksibel, ketepatan membuat keputusan yang praktikal, kesanggupan untuk menyelesaikan masalah dan bersedia menghadapi pelbagai situasi yang kritikal serta bersedia memenuhi keperluan ATM semasa sama ada dalam aspek pentadbiran ataupun operasi.

PENUTUP

Pada umumnya Usaha dakwah Islamiah dalam Angkatan Tentera Malaysia perlu terus di kekalkan dipertingkatkan, dimantapkan dan diperkukuh. Aspek kekuatan doa dan amal ibadah perlu dimantapkan selaras dengan kecanggihan senjata serta kekuatan jiwa dan hati juga perlu kuat seimbang dengan kekuatan fizikal dan mental. Firman Allah (s.w.t.) dalam surah al-Anfal ayat 45 yang memberi panduan bagi mencapai kejayaan dalam menghadapi musuh. Firman Allah dalam Surah al-Anfal (8:45): "*Wahai orang yang beriman! apabila kamu bertemu Dengan sesuatu pasukan (musuh) maka*

hendaklah kamu tetap teguh menghadapinya, dan sebutlah serta ingatlah Allah (dengan doa) banyak-banyak, supaya kamu berjaya (mencapai kemenangan).

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

‘Ali Mahfuz, Muhammad Jamal al-Din. (t.th). *al-Askariyyah al-Islamiyyah wa nahdasina al- hadariyyah. Misr: t. p.*

Abdul Aziz Zin. (2006). *Islam dan dakwah*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Abdul Ghafar Don, Berhanuddin Abdullah dan Zulkiple Abd. Ghani. (2000). *Dakwah dan pengurusan Islam di Malaysia: konsep dan pelaksanaan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abdul Samad Idris. (1983). *50 Tahun askar Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu Publication.

Abdullah al-Basemeih. (1987). *Tafsir pimpinan Al-Quran kepada pengertian Al-Quran Ar-Rahman Edisi ke lapan. 1987. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri Malaysia.*

Ali, K. (1974). *A study of Islamic history*. Culcutta: Mullick Brothers Publisher.

Al-Razi, Fakhr al-Din. (t.th). *al-Tafsir al-Kabir Aw Mafatih al-Ghayb. Jil. 27*. Bayrut: Dar Ihya’ al-Turatth al-‘Arabi.

Al-Shawkani, Muhammad ‘Ali Muhammad. (1973). *Fath al-Qadir al-jami’ bayna fann al-riwayat wa al-dirayah min ‘ilm al-tafsir. Jld. 4*. Bayrut: Dar al-Fikr.

Al-Shaybani, ‘Umar Muhammad al-Tumi. (t.th). *Falsafah Pendidikan Islam*. Terj. Hassan Langgulong. Jakarta: Pustaka Bulan Bintang.

Amrullah Ahmad. (1993). *Dakwah Islam dan perubahan sosial: suatu kerangka pendekatan dan permasalahan*. Yogyakarta: Penerbit Duta.

Ba‘albaki, Munir. (1982). *al-Mawrid*. Bayrut: Dar al-‘Ilm al-Malayin.

Burhanuddin Jalal. (1998). *KAGAT: Wadah dan profesionalisme*. Jabatan Arah Kor Agama Markas Angkatan Tentera. Kuala Lumpur: Kementerian Pertahanan Malaysia.

Burhanuddin Jalal. (2011). *Penghayatan Islam dalam kalangan Anggota Angkatan Tentera Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah. Bahan Tidak diterbitkan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Burhanuddin Jalal. (2018). *Dakwah Askari di Malaysia*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.

Ideris Endot. (1983). *Dakwah Islamiah di Malaysia semenjak tahun 1957 hingga 1979. Perkembangan dan cabarannya*. Tesis Sarjana Pengajian Islam. Bahan Tidak diterbitkan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Majid Khadduri. (1969). *War and peace in the law of Islam*. London: The John Hopkins Press.

- Mohammed Rahim Awang. (1996). *Pembinaan sahsiah tentera dalam Islam dan kaitannya dengan ketenteraan masa kini*. Tesis Sarjana Pengajian Islam. Bahan Tidak diterbitkan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rozhan Othman. (1990). *Pengurusan dakwah*. Shah Alam: Ummah Media Ummah
- Sulistyo. (1984). *Mengenang al-Marhum Panglima Jeneral Besar Soerdirman*. Jakarta: Pustaka al-Khautar
- Sutarji Kasmin. (1994). *Masalah penerapan nilai-nilai Islam dalam Angkatan Tentera Malaysia* (Kertas komandan tidak diterbitkan). Kuala Lumpur: Maktab Pertahanan Tentera.
- Syamsuri Siddiq. (1981). *Dakwah dan teknik berkhotbah*. Bandung: al-Maarif.
- Syed Othman al-Habshi. (1998). *Kepentingan pengurusan dalam dakwah Islamiah. Dlm. prinsip dan kaedah pengurusan dakwah dalam arus pembangunan Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi. Selangor.
- Tanpa Pengarang. (1982). Jabatan Arah KAGAT. *Panduan umum kor*. Kuala Lumpur: Markas Angkatan Tentera Malaysia.
- Tanpa Pengarang. (1986). Jabatan Arah KAGAT. *Risalah KAGAT*: Kuala Lumpur: Markas Angkatan Tentera Malaysia.
- Tanpa Pengarang. (1992). Jabatan Arah KAGAT. *Profesion ketenteraan dan bimbingan rohani*. Kuala Lumpur: Markas Angkatan Tentera Malaysia.
- Tanpa Pengarang. (1992). Jabatan Arah KAGAT. *Prosedur pelaksanaan tugas KAGAT*. Kuala Lumpur: Markas Angkatan Tentera Malaysia.
- Tanpa Pengarang. (2005). Jabatan Arah KAGAT. *Di persada kegemilangan*. Kuala Lumpur: Markas Angkatan Tentera Malaysia.
- Tanpa Pengarang. (2007). *Perlembagaan Persekutuan*. Kuala Lumpur: International Law Book Servis.
- Wan Hussein Azmi Wan Abd Kadir. 1980. *Islam di Malaysia: kedatangan dan perkembangan (Abad 7-20M)*. Dlm *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Wan Mohd Nor Daud. (1994). *Konsep ilmu-ilmu dalam Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.